

Dialog RUU Mufti WP medan cari titik persamaan pandangan

- Dalam usaha memahami atau berbahas mengenai kepentingan RUU ini, tiada pihak seharusnya mudah melabel pihak berbeza pandangan sebagai pelampau atau ekstremis

- Perbahasan atau dialog dua hala bukan bertujuan memutuskan siapa kalah atau menang, sebaliknya memperkaya pengetahuan masyarakat serta membudayakan sikap terbuka terhadap perbezaan



Oleh Dr Mukhriz Mat Rus
bhrencana@bh.com.my

Dalam sebuah negara demokrasi matang, ahli masyarakat akan terabit secara aktif dalam proses pembikinan undang-undang. Tanggungjawab itu bukan hanya diserahkan bulat-bulat kepada wakil rakyat di Parlimen.

Dalam konteks Malaysia mutakhir ini, penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Mufti (Wilayah Persekutuan) 2024 mendapat reaksi pelbagai.

Ia turut menyaksikan pembabitan pelbagai lapisan masyarakat, terutama agamawan dan pakar perundangan membincangkan undang-undang sedang diusulkan Kerajaan Persekutuan itu.

Sama ada di media sosial terbuka atau tertutup seperti kumpulan WhatsApp, hal ini adalah satu perkembangan positif mampu meningkatkan kesedaran undang-undang dalam kalangan rakyat. Pemahaman lebih mendalam akan mendorong masyarakat mengikut serta mematuhi undang-undang berdasarkan kefahaman jelas.

Pada masa sama, kerajaan juga perlu menerangkan RUU ini secara jelas kepada masyarakat berkaitan kepentingan dan implikasinya. Kita tidak lagi berada dalam era 'kerajaan tahu segala-galanya' (*government knows best*). Maka, pandangan balas daripada rakyat mempunyai pelbagai latar belakang dan kepakaran adalah amat penting dalam proses ini.

Pembabitan golongan ilmuwan dan pakar juga mustahak bagi memimpin perbincangan awam memandangkan RUU ini menyentuh isu kompleks dalam agama dan aspek teknikal perundangan.

Dalam usaha memahami atau berbahas mengenai kepentingan RUU ini, tiada pihak seharusnya mudah melabel pihak berbeza pandangan sebagai pelampau atau ekstremis. Tindakan sebegini membahayakan dan mengancam nilai demokrasi dalam masyarakat kita yang kian mapan.

3 sebab utama elak label ekstremis

Terdapat tiga sebab utama mengapa penggunaan label ekstremis atau penganas ini perlu dielakkan semua pihak. Pertama, istilah 'ekstremis' ini samar maknanya dan tidak mempunyai definisi sejagat di-sepakati.

Jika diterjemahkan sebagai pelampau, akan timbul persoalan pula siapakah paling layak menetapkan sempadan antara pelampau dan bukan pelampau. Sempadan itu ditetapkan atas dasar apa pula.

Dalam hal ini, kerajaan British dahulu menetapkan sempadan itu dengan mengelaskan apa-apa penentangan keras terhadap nilai British sebagai 'ekstremis'. Namun, timbul pula perdebatan hangat mengenai apa itu nilai British.

Terdapat sarjana berpendapat makna 'ekstremis' lebih kabur berbanding 'keganasan' (*terrorism*) dan sukar untuk didefinisikan secara tepat.

Atas alasan ini juga, banyak negara enggan memasukkan istilah ekstremis dalam undang-undang mereka. Definisi dirumuskan selalunya hanya sebagai panduan kerja dan skopnya disempitkan kepada fahaman pelampau keganasan (*violent extremism*).

Seterusnya, semua pihak tidak wajar sewenang-wenangnya menggunakan label ekstremis ini kerana bersifat jelik dan 'pejoratif' (mencemuh), walaupun maknanya tidak jelas. Melabelkan seseorang menyokong atau membantah sesuatu RUU sebagai ekstremis adalah berlebihan dan boleh mencetuskan provokasi serta permusuhan antara ahli masyarakat.

Apatah lagi jika istilah itu digunakan orang berpengaruh. Hakikatnya dalam setiap kelompok manusia, pasti ada yang ekstrem. Melabelkan keseluruhan aliran secara pukal sebagai pelampau itu

sendiri adalah suatu tindakan melampaui batas.

Sementara itu, sejarah menunjukkan kelompok pelampau ganas mengancam keselamatan negara dan dunia datang daripada pelbagai latar belakang dan aliran. Ada juga yang lahir dari rahim aliran masyhur sebagai 'pencinta keamanan' atau 'ketenteraman jiwa'.

Sebab ketiga, melabel kumpulan membantah pandangan kita sebagai ekstremis akan mematikan budaya dialog harmoni. Sukar untuk menyatukan kumpulan berbeza pandangan jika kedua-dua pihak menuduh satu sama lain sebagai pelampau.

Didik masyarakat utus perbezaan pendapat

Perlu diingatkan tujuan perbahasan atau dialog bukan untuk memastikan semua orang bersetuju dengan idea atau usul sama. Hal ini tidak mungkin tercapai, terutama apabila membicarakan aliran pemikiran sudah wujud berkurun lamanya. Matlamat utama adalah menghapuskan prasangka dan mendidik masyarakat mengenai cara mengurus perbezaan pendapat.

Oleh itu, perbahasan atau dialog dua hala bukan bertujuan memutuskan siapa kalah atau menang, sebaliknya untuk memperkaya pengetahuan masyarakat dan membudayakan sikap terbuka terhadap perbezaan.

Langkah baiknya jika dalam setiap program dialog, penganjur menyenaraikan titik persamaan antara pihak berbeza pendirian dan fahaman ini. Di samping itu, pembahas atau pendebat digalakkan menggunakan ungkapan seperti 'dalam hal ini kita sependapat'.

Kerajaan baru-baru ini melancarkan Pelan Tindakan Malaysia Bagi Mencegah Dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (MyPCVE) bagi menggerakkan usaha dan upaya membanteras aktiviti serta ideologi pelampau keganasan di dalam negara.

Pelan ini menetapkan empat teras utama, yang mana pencegahan adalah teras pertama. Teras pencegahan ini menuntut kerjasama semua anggota masyarakat.

Jika label ekstremis ini sewenang-wenangnya digunakan, dikuatir kita akan terlepas pandang kepada golongan sebenar dan berisiko sepatutnya diberi perhatian.

Selain itu, melabelkan sesuatu kelompok secara pukal sebagai ekstremis akan menjauhkan kelompok itu daripada turut sama membanteras ekstremisme atau pelampau dalam kelompok masing-masing. Waspadalah, bila kita mudah menuduh orang lain sebagai ekstremis, ia membawa kita selangkah menghampiri ekstremisme.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

